

KERATAN AKHBAR

NAMA AKHBAR: UTUSAN MALAYSIA (DALAM NEGERI)

TARIKH: 10 OGOS 2017

MUKA SURAT: 14

Rumah mahal kerana dasar Kerajaan PKR Selangor

KUALA LUMPUR 9 Ogos - Dasar Kerajaan PKR Selangor yang enggan memberi subsidi kepada pemaju yang melaksanakan projek perumahan mampu milik dikatakan menjadi antara punca harga rumah di negeri itu melambung tinggi.

Menteri Kesejahteraan Bandar, Perumahan dan Kerajaan Tempatan, Tan Sri Noh Omar berkata, kerajaan PKR Selangor seolah-olah menggunakan pendekatan berbentuk 'paksaan' apabila meminta pemaju membina rumah mampu milik di bawah program Selangorku pada harga antara RM42,000 hingga RM100,000.

Walau bagaimanapun, beliau mendakwa, tiada peruntukan yang disalurkan oleh Kerajaan PKR Selangor bagi membiayai sebahagian kos pembinaan projek rumah mampu milik tersebut.

"Kesannya, pemaju-pemaju terpaksa menjual harga rumah yang sepatutnya RM300,000 menjadi RM600,000 semata-mata kerana mahu memastikan dapat membiayai pembinaan rumah Selangorku," katanya ke-



Mana nak cari di dunia ini, harga rumah RM180,000 atau RM200,000 tetapi kita jual RM35,000 sahaja, berapa ratus ribu kita beri subsidi."

NOH OMAR

Menteri Kesejahteraan Bandar, Perumahan dan Kerajaan Tempatan

tika menjawab soalan tambahan **Khalid Abdul Samad (PAN-Shah Alam)** berhubung harga rumah yang tinggi di pasaran pada sesi soal jawab dalam sidang Dewan Rakyat hari ini.

Noh menambah, Kerajaan Persekutuan menggunakan pendekatan berbeza iaitu dengan memberi subsidi kepada pelaksanaan projek perumahan mampu milik demi memastikan rakyat mampu membeli rumah di bawah harga pasaran.

"Mana nak cari di dunia ini, harga rumah RM180,000 atau RM200,000 tetapi kita jual

RM35,000 sahaja, berapa ratus ribu kita beri subsidi. Kalau rakyat tidak mampu buat pinjaman bank, kita perkenal dasar sewa untuk beli, tidak perlu bayar deposit," jelasnya.

Dalam perkembangan berkaitan, beliau memberitahu, sebanyak 241,555 unit rumah mampu milik berjaya disiapkan di seluruh negara menerusi projek yang dilaksanakan pelbagai agensi kerajaan dan swasta setakat April lalu.

"Jumlah itu meliputi 21.7 peratus daripada sasaran pembinaan 1.1 juta rumah mampu milik yang disasarkan kerajaan," katanya.